



عِيدُ الْاَضْحَى

# Khutbah Aidiladha

JABATAN AGAMA ISLAM PERAK

1444 H / 2023 M



Pihak Jabatan Agama Islam Perak tidak bertanggungjawab ke atas sebarang penambahan ayat selain daripada kandungan khutbah yang dikeluarkan.

## “IBADAH KORBAN – BUKTI TAKWA KE HADRAT ILAHI”

29 Jun 2023 / 10 Zulhijjah 1444

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ،  
اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ،  
اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ وَ لِلَّهِ الْحَمْدُ<sup>1</sup>،

اللَّهُ أَكْبَرُ كَبِيرًا، وَالْحَمْدُ لِلَّهِ كَثِيرًا، وَسُبْحَانَ اللَّهِ بُكْرَةً وَأَصِيلًا.

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي وَفَّقَنَا لِعِبَادَتِهِ، وَجَعَلَ هَذَا الْيَوْمَ فَرَحًا لِعِبَادِهِ الْمُتَّقِينَ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ، اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ<sup>2</sup> وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ. فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ وَالْمُسْلِمَاتُ، اتَّقُوا اللَّهَ<sup>3</sup> حَقَّ تَقَاتِهِ، وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

### Muslimin dan Muslimat yang dirahmati Allah,

Alhamdulillah, pada pagi yang barakah ini, kita tergolong antara hamba yang terpilih mendapat undangan Ilahi, berpeluang menyempurnakan Solat Sunat Aidiladha di rumah Allah secara berjemaah. Marilah kita tingkatkan ketakwaan ke hadrat Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah serta meninggalkan segala larangan Nya; bertaubat dengan sebenar-benar taubat, semoga kita menjadi insan beriman lagi bertakwa, selamat di dunia – sejahtera di akhirat. Khatib akan menyampaikan khutbah bertajuk:

### “IBADAH KORBAN – BUKTI TAKWA KE HADRAT ILAHI”

Firman Allah SWT, surah al-Haj ayat ke 34 dan 37:

﴿وَلِكُلِّ أُمَّةٍ جَعَلْنَا مَنْسَكًا لِيَذْكُرُوا اسْمَ اللَّهِ عَلَىٰ مَا رَزَقَهُمْ مِّنْ بَهِيمَةِ الْأَنْعَامِ ۗ

فَالَهُكُمْ إِلَهٌُ وَاحِدٌ ۖ فَ لَهُ ۖ أَسْمَاؤُا وَبَشِيرِ الْمُحْبَبِينَ ﴿٣٤﴾﴾

<sup>1</sup> Memuji Allah

<sup>2</sup> Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

<sup>3</sup> Pesan Taqwa



Bermaksud: “Dan bagi setiap umat, Kami mensyariatkan penyembelihan korban (atau lain-lainnya) supaya mereka menyebut nama Allah terhadap binatang ternak yang telah direzekikan Allah kepada mereka. Maka, Tuhanmu ialah Tuhan Yang Maha Esa, kerana itu berserah dirilah kamu kepada Nya. Dan berilah khabar gembira (wahai Muhammad) kepada orang yang tunduk patuh kepada Allah.”

﴿لَنْ يَنَالَ اللَّهُ لُحُومَهَا وَلَا دِمَآؤَهَا وَلَكِنَّ يَنَالُهُ التَّقْوَىٰ مِنْكُمْ كَذَٰلِكَ سَخَّرَهَا لَكُمْ لِتُكَبِّرُوا اللَّهَ عَلَىٰ مَا هَدَىٰكُمْ وَبَشِّرِ الْمُحْسِنِينَ ﴿٣٧﴾﴾

Bermaksud: “Daging dan darah binatang korban itu sekali-kali tidak akan sampai kepada Allah, tetapi yang sampai kepada Nya ialah amal yang ikhlas berdasarkan takwa daripada kamu. Demikian Allah memudahkan binatang-binatang itu bagi kamu supaya kamu mengagungkan Allah kerana mendapat nikmat petunjuk Nya. Dan sampaikanlah berita gembira (dengan balasan sebaik-baiknya) kepada orang-orang yang berusaha supaya baik amalnya.

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ وَاللَّهُ الْحَمْدُ

### **Muslimin Muslimat yang dimuliakan,**

Dalam bulan Zulhijah terkandung hari-hari *Tasyrik*, bermula pada sepuluh Zulhijah, berakhir pada tiga belas Zulhijah. Pada hari-hari tersebut, umat Islam yang menyempurnakan rukun haji akan melakukan ibadah melontar ketiga-tiga jamrah; dilakukan untuk memperingati peristiwa Nabi Ibrahim AS dan Nabi Ismail AS, melontarkan anak batu kepada syaitan yang menjelma dengan tujuan mahu memesongkan akidah kedua-dua nabi besar tersebut, ketika kedua mereka telah nekad melakukan ibadah korban, sebagai bukti ketakwaan kepada Allah SWT.

Mengambil iktibar daripada semangat pengorbanan Nabi Ibrahim AS dan Nabi Ismail AS, umat Islam disyariatkan melakukan ibadah korban, setelah mendirikan solat sunat Aidiladha, sehingga hari ketiga belas Zulhijah. Ibadah korban dilakukan dengan membelanjakan sebahagian harta kurniaan Ilahi untuk sembelihan haiwan ternakan, lalu diagihkan dagingnya kepada mereka yang memerlukan.





## Wahai anak-anak Adam yang dilimpahi rahmat Ilahi,

Ibadah korban menuntut ummah mensyukuri kurniaan Ilahi dan pada waktu yang sama memupuk sifat ihsan. Kelebihan rezeki yang dikurniai Ilahi kepada sebahagian kita membolehkan kita saling melengkapi antara satu dengan lain. Dalam suasana harga barang makanan yang semakin mahal, ramai orang ketika ini, mampu sekadar menyediakan makanan yang paling asas untuk keperluan keluarga, dan mereka hanya mengimpikan untuk dapat menjamah bahan makanan berharga mahal.

Menginsafi kesusahan mereka yang miskin, dan menginsafi mereka yang hidup ibarat kais pagi makan pagi – kais petang makan petang, ibadah korban, memberikan peluang kepada kita untuk mengamalkan semangat menghulurkan bantuan kepada orang-orang yang tidak dikurniakan nikmat harta yang lebih. Beruntung bagi mereka yang melakukan ibadah korban, dengan penuh keikhlasan semata-mata kerana ketakwaan kepada Allah SWT, sabda Rasulullah SAW:

مَا عَمِلَ ابْنُ آدَمَ مِنْ عَمَلٍ يَوْمَ النَّحْرِ أَحَبَّ إِلَى اللَّهِ مِنْ إِهْرَاقِ الدَّمِ، وَإِنَّهُ لِيُؤْتَى  
يَوْمَ الْقِيَامَةِ بِقُرُونِهَا وَأَشْعَارِهَا وَأَظْلَافِهَا، وَأَنَّ الدَّمَ لَيَقَعُ مِنَ اللَّهِ بِمَكَانٍ قَبْلَ أَنْ يَقَعَ  
بِالْأَرْضِ، فَطَيَّبُوا بِهَا نَفْسًا

Bermaksud: Tidak ada satu amalan yang paling dicintai oleh Allah daripada Bani Adam ketika Aidiladha selain menyembelih haiwan korban. Sesungguhnya haiwan itu akan datang pada hari kiamat (sebagai saksi) dengan tanduk, bulu dan kukunya. Dan sesungguhnya darah haiwan korban telah terletak di satu tempat di sisi Allah sebelum mengalir di tanah. Kerana itu, bahagiakan diri mu dengannya. (Riwayat al-Tirmizi)

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ

Mimbar menyampaikan beberapa peringatan:

**Pertama:** Menyambut Aidiladha dengan sifat kesyukuran, banyakkkan bertakbir membesarkan Allah sepanjang hari ini, diikuti pada hari-hari Tasyrik. Jauhi amalan-amalan mungkar yang menyebabkan dosa.

**Kedua:** Mengutamakan pengagihan daging korban kepada golongan fakir miskin.



**Ketiga:** Menjadikan pedoman inti sari khutbah *Hajjatul-Wada'* yang disampaikan oleh Rasulullah SAW, sabda Baginda:

“Wahai manusia! Pencipta mu adalah satu, dan nenek moyang mu juga satu. Kamu semua daripada Adam, dan Adam diciptakan daripada tanah. Yang termulia antara kamu di sisi Allah ialah orang-orang yang paling bertakwa. Dan tidak ada kelebihan bagi orang Arab atas orang bukan Arab, bagi orang berkulit merah atas orang berkulit hitam, atau orang berkulit hitam atas orang berkulit merah, jika bukan dengan ketakwaan”.

Lalu diambil iktibar semangat yang terkandung di sebalik ibadah haji, iaitu ibadah yang menghimpunkan pertemuan ummah dari serata pelosok dunia, mengabdikan diri sebagai hamba kepada Pencipta Nya, berkedudukan sama di sisi Ilahi, kerana kelebihan seseorang hamba itu terletak pada takwa.

**Keempat:** Menyemaikan niat yang bersungguh untuk menunaikan Rukun Islam kelima, mengerjakan ibadah haji; bermula dengan melakukan perancangan awal, mendisiplinkan diri, menabung simpanan secara bulanan, dan mendaftar permohonan mahu menunaikan haji. Semoga niat kita dimakbulkan Ilahi.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ  
وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ  
الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ  
وَالْأَمْوَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْعَفُورُ الرَّحِيمُ.



## Khutbah Kedua

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ،  
اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ وَ لِلَّهِ الْحَمْدُ،  
اللَّهُ أَكْبَرُ كَبِيرًا وَالْحَمْدُ لِلَّهِ كَثِيرًا وَسُبْحَانَ اللَّهِ بُكْرَةً وَأَصِيلًا. الْحَمْدُ لِلَّهِ وَحْدَهُ، صَدَقَ  
وَعْدَهُ، وَنَصَرَ عَبْدَهُ، وَأَعَزَّ جُنْدَهُ، وَهَزَمَ الْأَحْزَابَ وَحْدَهُ  
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ،  
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ، أَمَّا بَعْدُ. فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ  
وَالْمُسْلِمَاتُ، اتَّقُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوهُ! وَعَلِّمُوا أَنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُتَّقِينَ،  
اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ وَ لِلَّهِ الْحَمْدُ.

### Muslimin, muslimat yang dirahmati Allah!

Sambutlah Aidiladha dengan merapatkan silaturahmi sesama jiran, sanak saudara dan kaum keluarga. Eratkan persaudaraan sesama ummah dan dibina ukhuwah sesama insan. Dalam suasana kita bergembira, berpakaian indah dan menikmati pelbagai juadah bersama anggota keluarga, hargailah pengorbanan saudara-saudara kita yang ketika ini ditugaskan melaksanakan pelbagai tanggungjawab fardu kifayah; antaranya anggota tentera, polis, bomba dan penyelamat; para doktor, jururawat dan petugas di hospital, pengendali pengangkutan awam, juruterbang, pemandu bas dan teksi, dan pelbagai perkhidmatan yang berkaitan, begitu juga mereka yang bertugas dalam pelbagai industri perkhidmatan merangkumi hotel, restoran, stesen minyak, media dan komunikasi. Semoga Allah melimpahi rahmat dan ganjaran atas pengorbanan mereka, begitu juga kepada ahli-ahli keluarga mereka.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا<sup>4</sup>

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى  
مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ .

<sup>4</sup> Ayat Al-Quran



اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ<sup>5</sup> وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، وَأَصْلِحْ ذَاتَ بَيْنِهِمْ وَأَلْفَ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ وَاجْعَلْ فِي قُلُوبِهِمُ الْإِيمَانَ وَالْحِكْمَةَ وَتَثِّبْهُمْ عَلَى مِلَّةِ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ. اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ الْهُدَى وَالتُّقَى وَالْعَفَافَ وَالْغِنَى بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

**Ya Allah! Ya Rabbal ‘Alamin,** Mudahkan para jemaah yang menjadi tetamu Mu di Kaabah menyempurnakan ibadah haji, kurniai mereka keafiatan, jauhi mereka daripada sebarang petaka, selamatkan perjalanan mereka untuk kembali bersama keluarga. Terimalah ibadah korban yang dilaksanakan oleh hamba-hamba Mu.

**Ya Hafiz!** kami pohonkan perlindungan Mu, melindungi kami dan keluarga kami daripada sebarang bencana dan kemalangan ketika menyambut Aidiladha, kurniai kami keafiatan dan keselamatan yang berkekalan.

**Ya Razzaq!** Berkati hamba-Mu yang melaksanakan tuntutan zakat, wakaf dan sedekah. Kurniai rezeki yang berlipat ganda kepada mereka, serta sucikan harta dan jiwa mereka.

**Ya Maalikal Mulk!** jauhi negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah; serahkan tanggungjawab pimpinan dan pengurusan negara kami kepada kalangan hamba Mu yang amanah dan ikhlas, serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan hukum.

**Ya Allah!,** kurniakanlah taufik dan hidayah Mu terhadap raja kami, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah, dan Raja Permaisuri Perak Darul Ridzuan Tuanku Zara Salim serta kerabat diraja dan seluruh rakyat jelata.

رَبَّنَا إِنَّا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةٌ وَفِي الآخِرَةِ حَسَنَةٌ وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ

فِيآ عِبَادَ اللَّهِ، ﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ﴾ ﴿فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذُكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوا لَهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ، وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.﴾  
اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ وَاللَّهُ الْحَمْدُ

<sup>5</sup> Doa untuk kaum muslimin